

03/10/1998

Menguasai Dunia Ketiga melalui `fourth estate`

A F Yassin

TEORI orang media mengenai akhbar ialah akhbar adalah kekuatan keempat (the fourth estate) dalam sesebuah negara, selepas kekuatan eksekutif, legislatif dan judikatif. Siapa yang dapat mengawal media bererti orang itu berkuasa mempengaruhi majoriti massa. Soal benar tidak, atau tepat salah kandungan sesuatu media, bukan persoalan kerana lazimnya apa yang disajikan setiap pagi oleh akhbar misalnya, maka itulah yang `dikunyah` pembacanya dan dianggap benar. Penafian berikutnya mengenai sesuatu berita misalnya tidak memberi kesan dan membawa banyak pengaruh.

Namun begitu, media yang sepatutnya hanya melaporkan, tidak terlepas daripada statusnya yang cenderung berpihak. Apatah lagi media begitu mudah dimanfaatkan oleh pihak yang menguasainya. Sudah menjadi kebiasaan di Dunia Ketiga, terutama media dikuasai pihak parti yang memerintah demi menjaga keutuhan nasional dan perpaduan kebangsaan. Sensitiviti pemerintah dan masyarakat diambil kira dalam sebarang penyiaran berita atau laporan. Berita dan laporan yang menyentuh sensitiviti, terutama yang negatif sifatnya perlu disisih kiranya negara mahu terus hidup.

Inilah yang dapat dirumuskan apabila saban hari kita membaca pelbagai berita yang menyentuh isu semasa baik dalam bidang politik, ekonomi atau kemasyarakatan lainnya. Demi salah satu isu semasa yang menarik perhatian dunia sekarang ialah isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti. Anwar dipecat awal bulan lalu kerana tuduhan salah laku seks luar tabii.

Kalau kita mengambil teori kebebasan akhbar dari Barat sebagai ukuran, maka fungsi yang dimainkan akhbar tempatan (cetak dan elektronik) dalam membuat laporan mengenai peristiwa pemecatan Anwar itu tidaklah bertentangan dengan teori kebebasan itu sendiri. Sebabnya berdasarkan teori kebebasan itu, siapa menguasai akhbar dialah yang berhak mencorakkan bias akhbarnya. Penguasa atau pemiliknya bebas melaporkan apa saja tanpa ada sekatan. Dan, biasanya kalau pemiliknya orang yang dikaitkan baik secara langsung atau tidak langsung dengan parti yang memerintah, maka menjadi hak orang ini untuk melaporkan sebagaimana mahunya dia tanpa sekatan. Hanya kebetulan akhbar dimiliki orang seperti ini, maka kepentingan kerajaan atau pemerintah yang diutamakan.

Dan dalam menitikberatkan keutamaan, maka bukan tidak mungkin agenda paling penting mereka ialah untuk memastikan ketenteraman dan keselamatan negara berkekalan. Sebabnya, parti yang memerintah diberi mandat oleh rakyat untuk melaksanakan agenda itu dengan sempurna. Sebarang percubaan untuk mengganggu-gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara dengan menggunakan media ini, terpaksa ditentang.

Di Barat, terutama di Amerika Syarikat dan Britain, media dikuasai oleh individu atau kelompok kapitalis, yang mempunyai wang dan teguh ekonominya tetapi jarang daripada kelompok establishment. Golongan kapitalis yang menguasai akhbar ini memanfaatkan media mereka untuk kepentingan jangka pendek dan jangka panjang.

Masih ingat bagaimana Presiden Nixon tumbang dan terpaksa meninggalkan Capitol Hill hanya angkara skandal Watergate? Akhbar mendabik dada kerana berjaya mendedahkan penyalahgunaan kuasa Richard Nixon. Dan seperti yang dikuliahkan ramai pensyarah komunikasi di kebanyakan universiti di dunia, akhbar Barat biasanya tergolong kelompok anti-establishment. Mereka tidak akan berminat menyiarkan berita atau laporan yang menyokong kejayaan kerana kata mereka "sudah menjadi kewajipan setiap kerajaan memberikan

yang terbaik kepada rakyat yang diperintahnya. Dan tugas kerajaan memberikan yang terbaik kepada rakyat yang mengagihkan amanah kepadanya bukan dianggap berita." Lebih-lebih lagi pihak media dan pemiliknya sentiasa berpegang kepada slogan, No news is good news.

Seperti kata Ketua Jabatan Komunikasi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Safar Hashim: "Lihat saja berita Jam 10 di TV 1. Peperangan, pergaduhan, pengeboman, rusuhan, perarakan, kematian dan ketegangan." (Berita Harian, 28 September 1998).

Semua unsur ini bukan berita yang baik, tetapi ia menarik minat pembaca atau penonton. Sebabnya, sudah menjadi tabii semula jadi manusia sukakan berita yang menggemparkan. Lebih dramatik sesuatu berita, lebih sensasi sesuatu berita malah lebih ngeri sesuatu laporan, lebih memukau pembaca dan penonton. Dan pemilik media biasanya adalah orang yang mengerti tabiat manusia, yang ingin tahu mengenai manusia lain, sukadukanya, glamournya dan keluarbiasaannya. Media Barat tidak dapat lari daripada mementingkan unsur-unsur sensasi dan dramatis ini. Media akan memenuhi agenda pemiliknya, iaitu sama ada jualan akhbar semakin laris, atau pemerintah yang dianggap "bermusuhan" dengannya tumbang.

Begitu juga dengan kisah berita salah laku Presiden Bill Clinton dengan Monica Lewinsky yang menggoncangkan kedudukan presiden itu. Drama Clinton-Lewinsky belum berakhir dan beritanya memenuhi ruangan utama dada akhbar dan televisyen. CNN malah mengungkapkan peristiwa itu dalam Breaking The Newsnya saban malam ketika peristiwa itu mula didedahkan dan disiarkan setiap setengah jam.

Demikianlah kita melihat bagaimana media Barat memanfaatkan isu pemecatan Anwar untuk memenuhi kedua-dua agenda mereka. Bolehkah kita salahkan wartawan yang membuat liputan berdasarkan putar-belit dan pembesaran fakta yang kadang-kadang terlalu remeh. Wartawan yang membuat liputan biasanya akan diberi taklimat terlebih dahulu cara dan sudut mana mereka harus melaporkan supaya liputan itu menarik citarasa sebanyak mungkin pembaca atau penontonnya. Misalnya, kalau bilangan yang mengadakan demonstrasi itu kecil jumlahnya, wartawan perlu menambah angkanya berbelas-belas kali. Hal inilah yang terjadi apabila penyokong Anwar Ibrahim berkumpul di kediamannya, di Dataran Merdeka dan Masjid Negara di Kuala Lumpur, di Nilai, Kajang dan Kuala Selangor, Air Keruh Melaka, Permatang Pauh, Pulau Pinang, Pokok Sena, Kedah, di Batu Buruk, Terengganu dan di Kota Bharu, Kelantan. Angka yang disebut wartawan asing pada setiap perhimpunan itu tidak kurang daripada 10,000 orang. Di Pokok Sena saja wartawan Asiaweek, menulis jumlahnya tidak kurang daripada 60,000 orang.

Maria Ressa, wartawan CNN yang diterbangkan khas dari Jakarta, setelah melaporkan dengan jayanya peristiwa demonstrasi dan rusuhan pelajar sehingga tumbangnyanya seorang presiden diberikan kepercayaan sekali lagi untuk membuat laporan dari Kuala Lumpur. Barangkali terpicat dengan pembesaran dan sensasi laporan yang dibuatnya di Jakarta dulu itu, maka beliau diberikan kepercayaan demikian untuk melakukan sesuatu yang sensasi di Kuala Lumpur. Bukan tidak mungkin, Maria sedikit kecewa dengan apa yang dilihatnya di Kuala Lumpur. Dia mengharapkan suatu gambaran gawat penunjuk perasaan. Beliau mungkin mengharapkan barangkali kumpulan yang mengada demonstrasi akan bertempur dengan polis dengan membaling batu dan molotov. Atau mereka memanjat bangunan Parlimen dan menggeledah kedai-kedai seperti yang berlaku di Indonesia. Dan dalam keadaan yang terkawal sekarang ini, betapa kecewanya Maria kerana laporannya tidak lagi menjadi tarikan majikannya di Atlanta atau Hong Kong.

Stesen CNBC dan Bloomberg tidak kurang hebatnya mensensasikan laporan. CNBC dengan ruangan khas Malaysia Dalam Krisis setiap malam mempotretkan gambar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar saling bersebelahan seolah-olah kedua-dua tokoh itu saling bertarung untuk memikat hati

rakyat. Hampir setiap laporan dilengkapi dengan komentar daripada pakar politik Malaysia di luar negara, terutama Hong Kong dan Singapura 'cenderung' untuk memihak kepada yang dianggap penyiarnya 'teraniaya'. Cara penyiarnya mengajukan pertanyaan kepada wartawannya di lapangan atau penganalisis di kerusi empuk mereka di Hong Kong seolah-olah memperkecilkan kemampuan pihak berkuasa Malaysia mengatasi krisis yang sedang berlaku.

Dalam hal penyiaran CNBC ini, ada pula yang mempersoalkan manfaat yang diperoleh oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang menaja ruangan Minggu Sukan Komanwel di CNBC. Jarang sekali kita menyaksikan laporan yang baik mengenai sukan itu. Malah dalam satu siarannya ketika sukan itu berlangsung, penyiarnya membuat komen bagaimanakah Malaysia memperolehi kejayaan dari sudut wang ringgit apabila perbelanjaan persediaan yang menelan belanja berbilion ringgit sedangkan penghasilannya cuma puluhan juta saja. Apakah laporan seperti ini yang mereka katakan sebagai suatu kewartawanan pembangunan?

Kita juga dengar cerita media di Indonesia dan Singapura yang tidak berkualiti dalam pemberitaannya mengenai pemecatan Anwar. Kalau benarlah seperti dilaporkan, maka bagi kebanyakan mereka yang pernah menjadi pemastautin sementara di kedua-dua republik itu hal seumpama itu tidak mengejutkan. Sememangnya beginilah sikap kebanyakan media Indonesia dan Singapura terhadap Malaysia. Tidak pernah positif, baik dari bidang apa sekalipun, lebih-lebih ekonomi, politik dan sukan. Malah, beberapa tokoh negara, terutama Perdana Menteri jarang sekali mendapat liputan yang baik. Tanpa krisis seperti sekarang ini, jangan harap berita dari Malaysia akan mendapat tempat di muka depan.

Begitulah. Media asing terutama Barat dengan sikap dan agenda mereka. Namun, apakah dapat kita persalahkan media ini? Unsur berita yang mereka pegang kuat itu ditambah pula dengan agenda tertentu yang berunsurkan politik dan ekonomi ia menjadikan isu pemecatan Anwar sebagai produk untuk dijual-belikan. Lebih meluas dan berlarutan isu itu, lebih meningkat laba yang mereka perolehi, tanpa sedikit pun memberikan pertimbangan terhadap ketenteraman awam hatta survival bangsa sekalipun. Barangkali mereka terlalu angkuh dengan teori mengenai kekuatan dan pengaruh akhbar dalam kehidupan politik sesuatu negara. - A F Yassin atau Drs Ahmad Fadzil Yassin adalah sarjana dalam bidang kewartawanan dan bekas pengarah penerbitan, Penerbit Fajar Bakti.

(END)